# PANDUAN RINGKASAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU NEGERI KEDAH DARUL AMAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DI SELURUH NEGARA – 12 MEI hingga 07 JUN 2021

DI KEMASKINI: **11 MEI 2021**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Merangkumi** | • Semua masjid dan surau yang **dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).**<br>• Pelaksanaan di masjid/ surau seluruh Negeri Kedah. | **Arahan Tetap** | • Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JHEAIK.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.<br>• Arahan Pegawai Agama Daerah adalah muktamad sekiranya berlaku sebarang kekeliruan. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Waktu Operasi** | Solat Fardu | 1 jam | **Kuatkuasa** | • Bermula 12 Mei sehingga 07 Jun 2021 atau;<br>• Pengumuman daripada kerajaan/ JHEAIK. |
| | Solat Jumaat | 1 jam 30 minit | | |

## SYARAT & KEWAJIPAN JEMAAH

**Jemaah disarankan mematuhi syarat & kewajipan yang ditetapkan**

- **Tidak mempunyai simptom** demam, selsema, batuk, sakit tekak dan sesak nafas.
- **Tidak menghidap** penyakit kronik.
- Suhu **tidak melebihi 37.5 darjah** celcius**.**
- Sentiasa **memakai pelitup muka dengan betul** sepanjang beribadat atau berada premis masjid/ surau.
- Membawa **sejadah berukuran standard/ saiz besar**.
- Sentiasa mengamalkan **penjarakan fizikal minimum 1 meter**.
- **TIDAK bersalaman** atau **berpelukan** atau **bersentuhan** antara jemaah.
- Jemaah kanak-kanak berumur **12 tahun ke bawah TIDAK DIBENARKAN**.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| AKTIVITI KEAGAMAAN | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 |
|---|---|
| Solat Fardu | • Solat Jumaat, Solat Fardu Berjemaah hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah tidak melebihi **50** orang (termasuk pegawai dan jawatankuasa) bagi masjid dan surau yang menampung kapasiti sebenar jemaah **melebihi** 1000 orang; dan |
| Solat Jumaat | • hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah **20** orang jemaah sahaja (termasuk pegawai dan jawatankuasa) bagi masjid dan surau yang menampung kapasiti sebenar jemaah **kurang** 1000 orang. |
| Wirid, Doa & Solat Sunat *Ba'diyah* | **DIBENARKAN**<br>**Dalam tempoh yang singkat** dan **segera beredar** selepas menyempurnakannya |
| Berkumpul Selepas Solat | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** |
| Amalan *Iktikaf* selepas solat di masjid | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** |
| Program Keagamaan (Ceramah, Kuliah Maghrib, Bacaan Yaasin Malam Jumaat) | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** |
| Aktiviti kemasyarakatan (Jamuan/ Kenduri/ Gotong Royong dan lain-lain) | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** |

| AKTIVITI KEAGAMAAN | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 |
|---|---|
| Menunaikan solat diluar lokaliti / kariah | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** Jemaah dari masjid atau surau daripada **Zon Jingga dan Merah keluar** dari lokaliti/ kariah |
| Solat Jenazah **(bukan COVID-19)** | • hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah tidak melebihi 50 orang (termasuk pegawai dan jawatankuasa) bagi masjid dan surau yang menampung kapasiti sebenar jemaah **melebihi** 1000 orang; dan<br>• hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah **20** orang jemaah sahaja (termasuk pegawai dan jawatankuasa) bagi masjid dan surau yang menampung kapasiti sebenar jemaah **kurang** 1000 orang. |
| Pengurusan Jenazah **(bukan COVID-19)** (Pengebumian, talqin & doa) | **TIDAK MELEBIHI 20 orang,** terdiri daripada pegawai/ jawatankuasa masjid, petugas dan ahli keluarga si mati sahaja |
| Aktiviti Ziarah Kubur **sebelum** Aidilfitri | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** |
| **AKTIVITI SEMPENA AIDILFITRI** | |
| **** Merujuk kepada SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)*** | |
| Solat Sunat Aidilfitri | • hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah tidak melebihi **50** orang (termasuk pegawai dan jawatankuasa) bagi masjid dan surau yang menampung kapasiti sebenar jemaah **melebihi** 1000 orang; dan<br>• hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah **20** orang jemaah sahaja (termasuk pegawai dan jawatankuasa) bagi masjid dan surau yang menampung kapasiti sebenar jemaah **kurang** 1000 orang. |
| Takbir Raya Aidifitri (Masjid / Surau) | **DIBENARKAN** dengan had waktu yang minimum & masjid hendaklah ditutup setelah Solat Sunat Aidilfitri dan Khutbah Raya |
| Takbir Raya Rumah Ke Rumah | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** |
| Jamuan Selepas Solat Hari Raya | **DIBENARKAN** dengan kaedah edaran **makanan yang telah siap dibungkus**. Aktiviti makan dan minum di premis masjid dan surau adalah **TIDAK DIBENARKAN** |
| Ziarah Tanah Perkuburan | ✗ **TIDAK DIBENARKAN** |

## KETETAPAN DAN ARAHAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN MASJID/ SURAU

**Pihak pengurusan masjid/ surau hendaklah memastikan perkara ini dipatuhi dan diamalkan sepanjang masa**

- Kaunter pemeriksaan (Alat Pengukur Suhu, Pensanitasi Tangan, Petugas dan Buku Log/ Qr Code My Sejahtera).
- Kaunter pemeriksaan/ pagar / pintu hendaklah ditutup selepas azan berkumandang.
- Tiada lagi pergerakan keluar masuk selepas azan dan Jemaah yang lewat **TIDAK DIBENARKAN MASUK**.
- Setelah selesai aktiviti keagamaan/ ibadat masjid atau **surau hendaklah ditutup dengan kadar segera**.

**Mana-mana masjid atau surau yang **melanggar dan tidak mematuhi arahan ini**, boleh dikenakan tindakan dan kebenaran melaksanakan aktiviti keagamaan boleh ditarik balik serta merta.*


© Bahagian Pengurusan Masjid & Surau